

MANUAL ARAHAN



Makita Tool Management


ADP12

PENGENALAN

Makita Tool Management

- “Makita Tool Management” ialah aplikasi khusus untuk Penyambung Komunikasi: ADP12.
- Dalam manual ini, “Penyambung Komunikasi: ADP12” ditulis sebagai “penyambung”.
- Dalam manual ini, “Makita Tool Management” ditulis sebagai “aplikasi”.
- Manual ini adalah berdasarkan aplikasi iOS dan aplikasi Windows OS.
- Skrin aplikasi sedang dibangunkan. Skrin aplikasi mungkin berbeza daripada produk sebenar.
- Aplikasi ini boleh digunakan dengan memuat turun aplikasi dalam telefon pintar / tablet iOS, telefon pintar / tablet Android dan PC Windows.

Rujuk kepada manual yang disertakan dengan ADP12 untuk cara memuat turun.



Penyambung Komunikasi: ADP12 (ditulis sebagai “penyambung” dalam manual ini)

Alat tidak serasi

Alat yang diterangkan di bawah tidak serasi dengan penyambung ini.

- Pemangkas Laman Kordles
 - LM001G / LM002G
 - GML01
- Kipas Tanpa Kord
 - CF001G
- Gergaji Rantai Tanpa Kord
 - UC021G / UC022G / UC023G / UC024G / UC025G / UC026G / UC027G
- Alat Lambuk Tanpa Kord
 - UV001G
 - GVU01

Perbezaan dalam paparan butang bergantung pada OS anda

(Untuk telefon pintar / tablet sahaja)

Angka butang mungkin berbeza bergantung pada telefon pintar / tablet yang anda gunakan.

Butang	iOS	Android
Kembali		
Selesai		
Batal		
Edit		

PERKARA YANG ANDA BOLEH LAKUKAN DENGAN PENYAMBUNG

NOTA: Sesetengah fungsi tidak tersedia bergantung pada alat atau aplikasi.

Untuk butiran lanjut tentang cara menetapkan setiap fungsi, rujuk pada bab yang dinyatakan selepas ini.

Tetapan antikecurian

Anda boleh menetapkan kod PIN untuk setiap alat dan kartrij bateri.

Kod PIN lalai bagi semua alat dan kartrij bateri ialah "0000".

Dengan menetapkan kod PIN selain daripada "0000", penyelesaian antikecurian berikut boleh disesuaikan.

Pemadanan produk / bateri

Hanya gabungan alat dan kartrij bateri dengan PIN yang sama boleh dikendalikan.

Jika anda menggunakan alat dan kartrij bateri dengan PIN yang berbeza, alat tidak beroperasi dan semua lampu penunjuk kartrij bateri berkelip.

Tetapan pemasa bateri

Masa / tarikh tamat tempoh boleh ditetapkan pada kartrij bateri mengikut jadual pembinaan. Kartrij bateri tidak boleh digunakan selepas pemasa tamat tempoh.

Pendaftaran nama pemilik

(Untuk PC sahaja)

Anda boleh mendaftarkan nama pemilik untuk alat dan kartrij bateri.

Memandangkan kod PIN yang betul diperlukan untuk mendaftar dan menulis semula nama pemilik untuk alat dan kartrij bateri, ia membolehkan untuk mengenal pasti pemilik yang sah jika ia dicuri.

Penyemak alat

Anda boleh mengesahkan sejarah operasi alat. Mengesahkan alat yang boleh digunakan untuk kerja pada masa hadapan.

Penyemak bateri

Anda boleh mengesahkan sejarah penggunaan dan keputusan diagnosis kartrij bateri.

Pendaftaran pad nota

Anda boleh mengambil nota berkenaan pengurusan produk, sejarah penyelenggaraan, dll.

Mod kendiri

Ini merupakan cara yang berguna untuk mendaftarkan tetapan yang sama bagi berbilang alat atau kartrij bateri.

Dalam mod kendiri, anda boleh mendaftarkan tetapan dalam alat atau bateri hanya dengan memasang alat atau bateri kepada penyambung dengan mendaftarkan tetapan dalam penyambung terlebih dahulu.


NOTA: "Mod Komunikasi (Comm)" dipilih secara lalai kilang.

NOTA: Dalam "Mod Komunikasi (Comm)", daftarkan tetapan produk atau bateri dengan berkomunikasi dengan aplikasi satu demi satu.

CARA MEMULAKAN

Memulakan aplikasi untuk telefon pintar / tablet

- Sebelum memulakan aplikasi, pasang kartrij bateri dan alat pada penyambung tersebut.



NOTIS: Jika alat mempunyai sebarang suis kuasa utama, hidupkannya. Sebaliknya, anda tidak boleh menukar tetapan atau menyemak status alat dengan penyambung.


- Mulakan aplikasi.
- Sahkan tutorial dan "Terms of use (Terma penggunaan)".

Tutorial dan terma penggunaan ditunjukkan hanya apabila memulakan aplikasi buat pertama kali.


NOTA: Anda boleh menyemak tutorial dan terma penggunaan pada bila-bila masa daripada "Menu".

Tetapan sambungan

- Untuk pertama kali, "How to connect" skrin dipaparkan secara automatik selepas mengesahkan terma penggunaan.
- Ketik "Search the connectable device".
Apabila menyambung buat pertama kali, bawa telefon pintar /tablet anda lebih dekat ke penyambung lebih kurang 10 cm hingga 30 cm.



- Pilih penyambung yang ingin anda sambungkan.



Apabila sambungan selesai, mesej "Connected" dipaparkan pada skrin utama.

Daripada kali kedua dan seterusnya, atau jika anda ingin menyambungkan semula alat atas sebarang sebab anda gagal disambungkan, anda boleh menyambungkan semula daripada (ikon pautan) pada bahagian atas kanan skrin.


NOTA: Jika sambungan tidak berjaya, contohnya, sambungan terputus, tutup aplikasi sekali dan pasangkan semula kartir bateri kepada penyambung. Selepas itu, mulakan aplikasi semula.

NOTA: Penyambung yang tetapan awalnya telah selesai akan disambungkan secara automatik untuk masa akan datang dan seterusnya.

NOTA: Anda tidak boleh menyambungkan penyambung kepada telefon pintar / tablet dengan sambungan Bluetooth semasa penyambung disambungkan kepada PC dengan sambungan USB. Dalam keadaan ini, nyahsambungkan sambungan USB dan kemudian sambungkan penyambung dengan Bluetooth.


Menyahsambungkan sambungan

Ketik ikon “Disconnect” untuk nyahsambungkan sambungan Bluetooth.




Memulakan aplikasi untuk PC

- Sebelum memulakan aplikasi, pasang kartrij bateri dan alat pada penyambung tersebut.



NOTIS: Jika alat mempunyai sebarang suis kuasa utama, hidupkannya. Sebaliknya, anda tidak boleh menukar tetapan atau menyemak status alat dengan penyambung.

- Sambungkan penyambung dan PC dengan aplikasi yang dipasang menggunakan kabel USB.



- Mulakan aplikasi.

NOTA: Anda boleh menyemak tutorial dan terma penggunaan pada bila-bila masa daripada "Menu".

Tetapan komunikasi

Klik  (tanda anak panah) pada bahagian atas kanan untuk memaparkan item berikut:

— COM port setting

Anda boleh menukar USB sasaran (port COM) untuk komunikasi.

— Disconnect the device

Tamatkan sambungan dengan penyambung yang sedang disambungkan.


— Reconnect the device

Sambungkan semula penyambung yang disambungkan kepada USB sasaran (port COM).

NOTIS: Jangan nyahsambungkan sambungan kabel USB semasa lampu sambungan USB berkelip.


NOTIS: Pasang kartrij bateri kepada penyambung apabila anda ingin menyambungkan alat.

Apabila sambungan selesai, lampu komunikasi USB akan hidup.



NOTA: Anda tidak boleh menyambungkan penyambung kepada PC dengan sambungan USB semasa penyambung disambungkan kepada telefon pintar / tablet dengan sambungan Bluetooth. Dalam keadaan ini, nyahsambungkan sambungan Bluetooth dan kemudian sambungkan penyambung dengan USB.

NOTA: Untuk menyambungkan alat untuk masa akan datang dan seterusnya, anda boleh menyambungkan daripada "Reconnect".




Menyahsambungkan sambungan

Ikuti langkah di bawah untuk nyahsambungkan kabel USB.

1. Klik  (tanda anak panah) yang dipaparkan pada bahagian atas kanan skrin dan kemudian klik "Disconnect the device".
2. Mesej yang memaklumkan bahawa sambungan telah ditamatkan akan dipaparkan. Klik "OK".
3. Pastikan lampu komunikasi USB dimatikan, kemudian nyahsambungkan kabel USB.

GAMBARAN KESELURUHAN

Gambaran keseluruhan halaman utama



a) **Tetapan komunikasi**

b) **Status sambungan**

Peranti yang disambungkan dipaparkan dalam warna putih. Peranti yang tidak disambungkan dipaparkan dalam warna kelabu.

c) **Ikon fungsi**

d) *(Untuk PC sahaja)*
Butiran fungsi

NOTA: Alat tidak akan beroperasi semasa penyambung dipasang.

Penerangan ikon

	<i>(Untuk telefon pintar / tablet sahaja)</i> Ketik untuk mengemas kini keadaan terkinii.
	<i>(Untuk telefon pintar / tablet sahaja)</i> Ketik untuk memilih peranti sambungan.
	Lock Pergi ke tetapan kod PIN dan tetapan pemasa bateri.
	History / Checker Pergi ke penyemak alat dan penyemak bateri.
	Note Pergi ke pendaftaran pad nota.
	Operation mode Pergi ke konfigurasi penulisan dalam mod kendiri.


	<i>(Untuk telefon pintar / tablet sahaja)</i> Disconnect Nyahsambungkan komunikasi dengan penyambung.
	<i>(Untuk telefon pintar / tablet sahaja)</i> Home Paparkan halaman utama.
	<i>(Untuk telefon pintar / tablet sahaja)</i> Find Makita Pergi ke laman senarai korporat Makita.
	Menu Paparkan pilihan lain tentang aplikasi ini.

PEMANDUAN PEMADANAN PRODUK / BATERI DAN PENDAFTARAN NAMA PEMILIK^{*1}


***1: PENDAFTARAN NAMA PEMILIK adalah untuk PC sahaja.**

Dengan menetapkan kod PIN selain daripada “0000” untuk fungsi pemandan setiap alat dan kartrij bateri, produk / bateri boleh tersedia.




Apabila fungsi pemandan produk / bateri diaktifkan, hanya alat dan kartrij bateri dengan PIN yang sama boleh dikendalikan bersama.






Jika anda menggunakan alat dan kartrij bateri dengan PIN yang berbeza, alat tidak beroperasi dan semua lampu penunjuk kartrij bateri berkelip.



1. Paparkan skrin tetapan PIN mengikut prosedur yang ditunjukkan di bawah.

Telefon pintar / tablet	PC
 	

2. Isikan butiran konfigurasi anda untuk mengaktifkan fungsi pemandan produk / bateri.

Telefon pintar / tablet	PC
 	

a) Masukkan kod PIN baru.

- Untuk telefon pintar / tablet, anda mungkin dikehendaki untuk memasukkan PIN semasa pada masa ini.

NOTIS: Tetapkan kod PIN untuk kedua-dua alat dan bateri selain daripada “0000”. Sebaliknya, fungsi pemadanan produk / bateri tidak dapat tersedia.

NOTA: Kod PIN lalai bagi semua alat dan kartrij bateri ialah “0000”.

- Letakkan tanda semak di sebelah peranti yang ingin anda tetapkan fungsi pemadanan produk / bateri dalam bahagian “Target device”.

- Togol pada bahagian “Use function”.

- Untuk telefon pintar / tablet, togol pada “Product / battery matching”.

- Untuk PC, togol pada “Product / battery matching”, “Owner name”.

3. Daftarkan tetapan.


- Untuk telefon pintar / tablet, ketik “Done”.

- Untuk PC, klik “OK” dan kemudian anda mungkin dikehendaki untuk memasukkan PIN semasa pada masa ini. Selepas kod PIN semasa disahkan, klik “Done” dalam medan “PIN setting”.

NOTA: Jika PIN yang anda masukkan tidak sepadan dengan PIN yang sudah pun didaftarkan dalam alat atau bateri, anda akan diminta untuk memasukkannya semula.

Selepas anda memasukkan PIN yang salah sebanyak 5 kali berturut-turut, anda akan disekat daripada memasukkan PIN selama 5 minit.

4. Isikan butiran konfigurasi anda untuk mengaktifkan fungsi nama pemilik. (Untuk PC sahaja)



- Masukkan nama pemilik sehingga 10 aksara.

- Letakkan tanda semak di sebelah peranti yang anda ingin daftarkan nama pemiliknya.


5. Daftarkan tetapan.

Klik “Completed” dan kemudian anda mungkin dikehendaki untuk memasukkan PIN semasa pada masa ini. Selepas kod PIN semasa disahkan, klik “Done” dalam medan “Owner name”.


TETAPAN PEMASA BATERI

Masa / tarikh tamat tempoh boleh ditetapkan pada kartrij bateri mengikut jadual pembinaan. Kartrij bateri tidak boleh digunakan selepas pemasra tamat tempoh.



Apabila baki masa yang tersedia menjadi kurang daripada satu jam, semua lampu penunjuk pada kartrij bateri akan berkelip.





Apabila baki masa yang tersedia mencapai 0, semua lampu penunjuk pada kartrij bateri akan dimatikan. Apabila anda menekan butang semak, semua lampu penunjuk akan berkelip.



1. Paparkan skrin tetapan PIN mengikut prosedur yang ditunjukkan di bawah.

Telefon pintar / tablet	PC
 	

2. Isikan butiran konfigurasi anda untuk mengaktifkan fungsi pemasa bateri.

Telefon pintar / tablet	PC
 <p>(a) PIN Setting</p> <p>(b) Target device</p> <p>(c) Use function</p> <p>Done</p>	 <p>(a) New PIN</p> <p>(b) Target device</p> <p>(c) Use function</p> <p>OK Cancel</p>

a) Jika anda ingin menukar kod PIN atau kod PIN untuk kartrij bateri ialah “0000”, masukkan kod PIN baru di sini.

- Untuk telefon pintar / tablet, anda mungkin dikehendaki untuk memasukkan PIN semasa pada masa ini.

NOTIS: **Setapkan kod PIN untuk bateri selain daripada “0000”.** Sebaliknya, fungsi pemasa bateri tidak dapat tersedia.

- b) Letakkan tanda semak pada “Battery” dalam bahagian “Target device”.

- c) Togol pada “Battery timer” dalam bahagian “Use function”.

3. Simpan tetapan PIN dalam kartrij bateri sekali.



- Untuk telefon pintar / tablet, ketik “Done”.

- Untuk PC, klik “OK”, dan kemudian anda mungkin dikehendaki untuk memasukkan PIN semasa pada masa ini. Selepas kod PIN semasa disahkan, klik “Done” dalam medan “PIN setting”.



NOTA: Anda boleh konfigurasi fungsi pemadanan produk / bateri pada masa yang sama dalam skrin ini. Rujuk pada bahagian untuk pemadanan produk / bateri.

NOTA: Untuk bateri yang sudah ditetapkan pemasa bateri, jika anda mendaftarkan PIN baru “0000” dengan “Pemasa Bateri” dinyahtogol, tetapan pemasa bateri akan dibatalkan pada masa yang sama.

4. Paparkan skrin pemasa bateri mengikut prosedur yang ditunjukkan di bawah.

Telefon pintar / tablet	PC
 	 

5. Isikan butiran masa / tarikh tamat tempoh.

Telefon pintar / tablet	PC
 <ul style="list-style-type: none"> (a) Remaining time - (Timer disabled) (b) Setting method By hour(s) (c) Hour(s) (Date) 48hour(s) (17/12/2022) (d) Cancel timer 	 <ul style="list-style-type: none"> (a) Remaining time 48hour(s)(12/18/2022) (b) Setting method By hour(s) (c) Hour(s) (Date) 48 hour(s) (12/18/2022) (d) Cancel timer

- a) Baki masa tersedia ditunjukkan di sini.
 b) Pilih kaedah tetapan.

— **By hour(s)**

Anda boleh tetapkan masa tamat tempoh dalam unit jam yang tinggal.

— **By date**


Anda boleh tetapkan tarikh tamat tempoh.

- c) Masukkan masa atau tarikh tamat tempoh di sini.
 - d) Jika anda ingin membatalkan pemasa bateri, pilih “Cancel timer”.
6. Daftarkan tetapan.
- Untuk telefon pintar / tablet, ketik “Done”.
 - Untuk PC, klik “OK” dan kemudian klik “Done” dalam medan “Battery timer”.

PENYEMAK ALAT

Anda boleh mengesahkan sejarah operasi alat yang boleh digunakan untuk kerja pada masa hadapan.

Paparkan skrin sejarah alat mengikut prosedur yang ditunjukkan di bawah.

Telefon pintar / tablet	PC
	

NOTA: (Untuk PC sahaja)

Apabila anda memasang alat / kartrij bateri lain kepada penyambung semasa menggunakan aplikasi, klik "Reload" untuk segarkan semula paparan.

NOTA: (Untuk PC sahaja)

Anda boleh menyimpan maklumat yang dipaparkan dalam format CSV. Klik "Export" untuk menyimpan.

Penerangan skrin sejarah alat

NOTA: Bilangan sejarah operasi mungkin dipaparkan walaupun dengan alat serba baharu disebabkan oleh pemeriksaan di kilang, dll.

NOTA: Nombor menunjukkan garis panduan dan mungkin dikira bergantung pada keadaan penggunaan dan persekitaran secara berbeza.

Maklumat operasi

Telefon pintar / tablet	PC
<p>Operation information ⓘ</p> <p>(a) → Number of AFT operation -</p>	<p>Operation information ⓘ</p> <p>(a) → Number of AFT operation -</p> <p>(b) → Tool operation time [sec] 1230</p> <p>(c) → Number of tool operation 1411</p>

a) **Bilangan operasi AFT**

Bilangan kali fungsi AFT (Teknologi penderiaan Maklum Balas Aktif) diaktifkan. (Hanya untuk alat dengan AFT)

b) *(Untuk PC sahaja)*

Masa operasi alat [saat]

Jumlah masa operasi alat dalam saat.

c) *(Untuk PC sahaja)*

Bilangan operasi alat

Jumlah bilangan operasi alat.

Pengaktifan Sistem Perlindungan

Anda boleh mengesahkan bilangan kali jenis sistem perlindungan yang berfungsi.

Telefon pintar / tablet	PC
<p>Protection System Activation ⓘ</p> <p>Battery</p> <p>(a) → Over load Protection -</p> <p>Tool</p> <p>(b) → Over load Protection -</p> <p>(c) → Over heat protection -</p> <p>(d) → Motor locked -</p> <p>(e) → Others -</p>	<p>Protection System Activation ⓘ</p> <p>Battery</p> <p>(a) → Over load Protection -</p> <p>Product</p> <p>(b) → Over load Protection -</p> <p>(c) → Over heat protection -</p> <p>(d) → Motor locked -</p> <p>(e) → Others -</p>

a) **Perlindungan Lebih Beban (bateri)**

Bilangan kali alat berhenti kerana kartrij bateri menjadi terlebih beban.

b) **Perlindungan Lebih Beban (alat)**

Bilangan kali alat berhenti kerana alat menjadi terlebih beban.

c) **Perlindungan Terlalu Panas**

Bilangan kali alat berhenti kerana alat menjadi terlalu panas.

d) **Motor terkunci**

Bilangan kali alat berhenti kerana motor terkunci.

e) **Lain-lain**






Bilangan kali alat berhenti kerana sebab lain (termasuk perlindungan khusus produk).

NOTA: Nama sistem perlindungan mungkin berbeza antara setiap manual arahan alat.

PENYEMAK BATERI

Anda boleh mengesahkan sejarah penggunaan dan keputusan diagnosis kartrij bateri.

Paparkan skrin maklumat bateri mengikut prosedur yang ditunjukkan di bawah.

Telefon pintar / tablet	PC
  	 

NOTA: (Untuk PC sahaja)

Apabila anda memasang alat / kartrij bateri lain kepada penyambung semasa menggunakan aplikasi, klik "Reload" untuk segarkan semula paparan.

NOTA: (Untuk PC sahaja)

Anda boleh menyimpan maklumat yang dipaparkan dalam format CSV. Klik "Export" untuk menyimpan.

Penerangan skrin penyemak bateri

Status penggunaan bateri

Telefon pintar / tablet	PC
<p>(a) → Battery : BL4025</p> <p>(b) → Number of charges 23</p> <p>(c) → Deterioration level </p> <p>(d) → Remaining capacity [██████████] 0% 100%</p> <p>(e) → Battery temperature 24°C / 74°F</p> <p>(f) → Battery voltage 39.2v</p>	<p>(a) → Battery usage status : BL4025</p> <p>(b) → Number of charges 22</p> <p>(c) → Degree of deterioration </p> <p>(d) → Remaining capacity [██████████] 0% 100%</p> <p>(e) → Battery temperature 25°C / 77°F</p> <p>(f) → Battery voltage 38.8v</p>

- a) No. model bagi kartrij bateri.
- b) **Bilangan caj**
Bilangan kali bateri dicas.
- c) **Peringkat kemerosotan / Tahap kerosotan**
Panduan tahap kerosotan bateri.
Apabila bateri tersebut adalah baharu, unit graf bar diisi sehingga ke hujung paling kanan, tetapi ia berkurang berbeza-beza apabila bateri merosot.
- d) **Kapasiti yang tinggal**
Kapasiti yang tinggal bagi bateri ditunjukkan menggunakan paparan graf bar. Apabila bar memanjang hingga ke hujung paling kanan, ini bermaksud bateri telah dicas sepenuhnya.
Paparan mungkin tidak sama dengan penunjuk kapasiti yang tinggal pada kartrij bateri.
- e) **Suhu bateri**
Suhu dalaman bateri; kedua-duanya dalam Celsius dan Fahrenheit.
- f) **Voltan bateri**
Ukuran voltan bateri.

Alat disambungkan

(Untuk PC sahaja)

PC			
 Tools connected			
DF series	6	UC series	135
GA series	1	UH series	17
HIM series	12	UR series	55
HR series	98	VC series	7
HS series	3	Unknown	4
HW series	9		
JR series	67		
TD series	47		

Ini menunjukkan kategori alat dan bilangan kali kartrij bateri telah disambungkan.


Contohnya, jika anda menyambungkan kartrij bateri kepada TD002G dan TD003G, setiap maklumat akan disimpan di bawah kategori alat "TD series".

Sehingga 15 kategori alat boleh didaftarkan mengikut susunan yang dikenal pasti. Tidak lebih daripada 15 kategori alat akan didaftarkan.

NOTA: Jika kartrij bateri tidak dapat mengecam kategori alat atas sebab tertentu, ia akan disimpan sebagai "Unknown".


NOTA: Nombor menunjukkan garis panduan dan mungkin dikira bergantung pada keadaan penggunaan dan persekitaran secara berbeza.

Voltan sel bateri



Voltan setiap blok di dalam bateri dipaparkan menggunakan graf. Bilangan blok berbeza-beza bergantung pada bateri yang didiagnosis. Voltan rendah blok tertentu atau perbezaan tiga atau lebih unit antara blok mungkin menunjukkan masalah dalam sel yang berkenaan atau dalam litar.


Histogram suhu maksimum



Histogram ini menunjukkan pembahagian kekerapan suhu bateri.

Apabila bateri telah digunakan dengan sedikit atau tiada peningkatan suhu, graf bar berhampiran "L" akan meningkat. Apabila bateri telah digunakan dengan atau hampir dengan perlindungan terlalu panas, graf bar berhampiran "H" akan meningkat.


Histogram arus maksimum



Histogram ini menunjukkan pembahagian kekerapan arus nyahcas.

Apabila bateri telah digunakan di bawah beban ringan seperti menggunakan dengan cahaya, graf bar berhampiran "L" akan meningkat. Apabila bateri telah digunakan di bawah beban berat seperti menggunakan dengan pengisar, graf bar berhampiran "H" akan meningkat.

Kegagalan kandungan




Ikon ini menunjukkan jenis bateri yang pincang tugas. Ikon yang sepadan dengan pincang tugas telah diisi.

Rujuk kedai tempat anda membeli produk atau Pusat Servis Makita berhubung kegagalan.

- a) Tanda pincang tugas
- b) Tanda pincang tugas sel bateri
- c) Tanda pincang tugas di dalam litar bateri

Contoh diagnosis



[Titik diagnosis]

- a Tanda kegagalan dan tanda kegagalan sel dipaparkan.
- b Setiap voltan blok adalah tidak seimbang; terutamanya voltan blok 1 berkurangan.
- c Bateri digunakan pada arus yang agak besar.
- d Suhu bateri kerap menjadi tinggi.


[Diagnosis]

Ini boleh dianggap bahawa sel telah rosak akibat kerja beban berat berterusan yang berulang, lalu menjurus kepada kegagalan.

PENDAFTARAN PAD NOTA

Anda boleh mengambil nota berkenaan pengurusan produk, sejarah penyelenggaraan, dll.

1. Paparkan skrin nota mengikut prosedur yang ditunjukkan di bawah dan kemudian pilih "Edit" yang ingin anda daftarkan nota.



- a) Tulis nota berkenaan alat / produk.
- b) Tulis nota berkenaan bateri.

NOTA: (Untuk PC sahaja)

Apabila anda memasang alat / kartrij bateri lain kepada penyambung semasa menggunakan aplikasi, klik "Reload" untuk segarkan semula paparan.

2. Mengambil nota.
 - Bilangan maksimum aksara bergantung pada setiap alat, kartrij bateri dan jenis aksara.
 - Anda tidak boleh masukkan teks yang melebihi bilang maksimum aksara.
 - Anda tidak boleh menggunakan piktogram atau beberapa aksara khas.
3. Daftarkan nota.
 - Untuk telefon pintar / tablet, ketik "Done".
 - Untuk PC, klik "Completed".

Jika anda memasukkan aksara yang tidak boleh disimpan, contohnya piktogram, aksara tersebut dipadam secara automatik, dan mesej "Deleted unusable characters." akan dipaparkan.

MOD KENDIRI

Jika anda ingin mendaftarkan tetapan yang sama bagi berbilang alat atau kartrij bateri, tukar mod operasi kepada mod kendiri.



Dalam mod kendiri, anda boleh mendaftarkan tetapan dalam alat atau bateri hanya dengan memasang alat atau bateri kepada penyambung dengan mendaftarkan tetapan dalam penyambung terlebih dahulu.

Dalam mod kendiri, anda boleh menetapkan hanya satu item tetapan untuk sama ada alat atau bateri. Jika anda ingin mengkonfigurasikan berbilang tetapan pada alat atau bateri, lakukan tetapan satu demi satu.

Menyediakan penyambung

1. Keluarkan produk.

- Untuk telefon pintar / tablet, keluarkan alat daripada penyambung. Pastikan kartrij bateri dipasang kepada penyambung.
 - Untuk PC, keluarkan alat dan kartrij bateri daripada penyambung. (Teruskan sambungan USB.)
2. Paparkan skrin tetapan mod kendiri mengikut prosedur yang ditunjukkan di bawah.



Telefon pintar / tablet	PC
  	

NOTA: "Comm Mode" ditetapkan mengikut lalai.

Dalam mod Comm (komunikasi), anda boleh menukar tetapan produk atau bateri yang disambungkan kepada penyambung secara individu.

- Pilih peranti sasaran.
- Isikan butiran konfigurasi.

Jika anda memilih alat / produk sebagai peranti sasaran, anda boleh tetapkan salah satu daripada tetapan berikut:

Telefon pintar / tablet	PC
 <p>(a)</p> <p>(b)</p>	 <p>(a)</p> <p>(b)</p>

a) Tetapan PIN

Anda boleh menetapkan kod PIN baru.

— Current PIN

Masukkan PIN yang sudah didaftarkan pada alat / produk yang hendak disambungkan.

NOTA: Masukkan "0000" jika kod PIN belum didaftarkan pada alat / produk yang hendak disambungkan.

NOTA: Jika PIN semasa berbeza daripada PIN alat / produk yang hendak disambungkan, anda tidak boleh menetapkan PIN baharu pada alat / produk.


— New PIN

Masukkan PIN yang anda akan tulis ganti PIN semasa.

b) Nota

Anda boleh mengambil nota.

Jika anda memilih bateri sebagai peranti sasaran, anda boleh tetapkan salah satu daripada tetapan berikut:



a) Tetapan PIN

Anda boleh menetapkan kod PIN baru.

- **Use function**

Togol fungsi yang anda ingin aktifkan.

- **Current PIN**

Masukkan PIN yang sudah didaftarkan pada bateri yang hendak disambungkan.

NOTA: Masukkan “0000” jika kod PIN belum didaftarkan pada bateri yang hendak disambungkan.

NOTA: Jika PIN semasa adalah berbeza daripada PIN bateri yang hendak disambungkan, anda tidak boleh menetapkan PIN baru pada bateri.

- **New PIN**

Masukkan PIN yang anda akan tulis ganti PIN semasa.

b) **Pemasangan bateri**

Anda boleh tetapkan masa / tarikh tamat tempoh.

PIN semasa diperlukan semasa menetapkan pemasangan bateri. Jika PIN semasa tidak sepadan dengan PIN bateri yang hendak disambungkan, pemasangan bateri tidak boleh berjalan.

c) **Nota**

Anda boleh mengambil nota.

NOTA: Untuk butiran pada setiap tetapan, rujuk bab yang sepadan di atas.

NOTA: PIN semasa bagi peranti sasaran juga diperlukan untuk menetapkan PIN dan pemasangan bateri.

5. Sahkan tetapan.

- Untuk telefon pintar / tablet, ketik "Done".
 - Untuk PC, klik "OK".
6. Simpan tetapan pada penyambungan.
- Untuk telefon pintar / tablet, ketik "Done".

Apabila menyimpan selesai, mesej "The settings have been written." dipaparkan pada skrin utama.


- Untuk PC, klik "Done".

Apabila menyimpan selesai, mesej "Registration contents writing completed" dipaparkan pada skrin utama. Klik "OK".

* Tetapan tidak didaftarkan pada bateri yang disambungkan. Tetapan telah ditulis pada penyambungan.

Telefon pintar / tablet	PC

7. Pastikan lampu mod pada penyambungan menyala sama ada berwarna merah atau hijau. (Hijau adalah untuk alat / produk, dan merah untuk kartrij bateri.)



8. Tamatkan sambungan.

- Untuk telefon pintar / tablet, ketik ikon "Disconnect".
- Untuk PC, nyahsambungkan sambungan daripada kabel USB.

Menyalin tetapan daripada penyambung bateri

1. Pasang kartrij bateri yang anda ingin salin tetapan anda daripada penyambung. (Lampu mod menyala merah.)


NOTA: Jika anda ingin salin tetapan anda pada kartrij bateri yang telah digunakan sebagai bekalan kuasa semasa tetapan dalam mod kendiri, jauhkannya daripada penyambung dan kemudian pasangkannya semula.

2. Tetapan yang anda telah konfigurasi dalam mod kendiri akan disalin kepada kartrij bateri.

NOTA: Bunyi bip akan kedengaran selepas salinan selesai.

NOTIS: Satu siri bunyi bip pendek kedengaran apabila salinan gagal. Dalam keadaan ini, tanggalkan kartrij bateri daripada penyambung. Periksa tetapan seperti PIN semasa dan kemudian pasangkannya semula.

Jika menyalin masih gagal, tukar mod operasi penyambung kepada “Mod Kom” sekali, dan periksa tetapan kartrij bateri.



Menyalin tetapan daripada penyambung kepada alat


1. Pasang kartrij bateri kepada penyambung komunikasi. (Lampu mod menyala hijau.)
2. Pasang alat yang anda ingin salin tetapan anda dari penyambung.
3. Tetapan anda akan disalin pada alat.

NOTA: Bunyi bip akan kedengaran selepas salinan selesai.

NOTIS: Jangan tanggalkan kartrij bateri semasa tetapan sedang disalin kepada alat.


NOTIS: Satu siri bunyi bip pendek kedengaran apabila salinan gagal. Dalam keadaan ini, tanggalkan alat dan kartrij bateri daripada penyambung. Periksa tetapan seperti PIN semasa dan kemudian pasangkannya semula.

Jika menyalin masih gagal, tukar mod operasi penyambung kepada “Mod Kom” sekali, dan periksa tetapan alat.



Menukar kepada “Comm Mode”

- Pilih “Comm Mode” dalam skrin “Operation mode”.



- Pilih “Done”.

Mesej “The settings have been written.” akan muncul dalam skrin utama selepas operasi penukaran selesai.

NOTA: Jika anda sudah pun memilih “Comm Mode”, butang “Done” akan dinyahaktifkan.

- Jika anda terus mengedit tetapan alat / bateri, sambungkan alat / bateri kepada penyambung. Edit tetapan alat / bateri menggunakan fungsi yang bersesuaian dalam skrin utama. Apabila anda mengedit tetapan alat / bateri, kandungan alat / bateri akan ditukar setiap kali.

NOTA: Maklumat yang dikemas kini tidak disimpan dalam penyambung.

MENU

Untuk mengesahkan kandungan berikut, pilih ikon “Menu”.

- Terma penggunaan
- (*Untuk telefon pintar / tablet sahaja*)
 - Lesen
- Tutorial
- (*Untuk PC sahaja*)
 - Senarai ralat
- Versi maklumat

MESEJ RALAT

- Apabila mesej ralat muncul pada skrin, tangani ralat mengikut jadual di bawah.
- Apabila dan mengesahkan atau menangani punca, keluarkan bateri terlebih dahulu jika perlu.
- Jika mesej ralat selain daripada yang di bawah muncul, tanya kedai tempat anda membeli atau Pusat Servis Makita.

Mesej ralat	Terjemahan mesej ralat	Sebab	Remedi
Could not communicate.	Tidak boleh dikomunikasikan.	Data tidak boleh dibaca atau ditulisi.	Jika ralat berlaku secara berulang kali, sila cuba lagi selepas seketika.
Communication failed.	Komunikasi gagal.		
Try with charged battery.	Cuba dengan bateri yang dicas.	Tiada kapasiti bateri yang tinggal.	Cas bateri.
Abnormal was detected. Reconnect the tool / battery.	Keadaan tidak normal dikesan. Sambungkan semula alat / bateri.	Sambungan alat, bateri atau penyambung yang tidak normal dikesan.	Jika ralat berlaku secara berulang kali, sila cuba lagi selepas seketika.
Abnormal connection has been detected. Remove the tool and battery.	Sambungan tidak normal telah dikesan. Keluarkan alat dan bateri.	Sambungan alat, bateri atau penyambung yang tidak normal dikesan.	Ini mungkin akan gagal. Keluarkan alat dan bateri.
App was not authenticated. Please reconnect.	Aplikasi tidak disahkan. Sila sambungkan semula.	Gagal untuk menyambung penyambung kepada aplikasi.	Untuk telefon pintar / tablet, sambungkan Bluetooth semula. Untuk PC, tutup aplikasi, tanggalkan palam dan masukkan palam kabel USB, kemudian mulakan semula aplikasi untuk menyambungkannya semula. Jika ini tidak membantu, cuba kabel USB lain.
Product and/or battery is not connected.	Produk dan/atau bateri tidak disambungkan.	Cuba berkomunikasi dengan peranti atau bateri yang tidak disambungkan.	Pasang peranti sasaran atau bateri kepada penyambung.

Makita Corporation

www.makita.com

ADP12-[iOS(2-0)
Android(2-0)
Win(1-2)]-rev3-MS
MS
20240730